



**Kompleks beli-belah Ampang Park akan dirobohkan tidak lama lagi** dan peniaga terbabit sudah diberi notis supaya mengosongkan bangunan untuk memberi laluan kepada pembinaan landasan ke-2 MRT dan terowong yang menyambungkan stesen S16 MRT dengan stesen LRT Ampang Park yang dibina di bawah kawasan bangunan berkenaan.



Pengambilan tapak kompleks beli-belah itu memerlukan persetujuan semua 253 pemilik lot strata yang mana syarat persetujuan adalah 100 peratus menurut keperluan undang-undang dan bukan sengaja diada-adakan oleh pihak kami."

**Najmuddin Abdullah,**  
Pengaruh Komunikasi  
Strategik MRT Corp

# Tiada unsur penyelewengan

➔ MRT Corp nafi tuduhan pihak berhubung pengambilan tapak Ampang Park

Oleh Aliff Ashraf Fadzilah

■ Kuala Lumpur

**P**emaju dan pemilik projek transit aliran massa (MRT), MRT Corp, menafikan berlaku penyelewengan berkaitan pengambilan tapak kompleks beli-belah Ampang Park, di sini, yang berada dalam jajaran laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (MRT2).

Pengaruh Komunikasi Strategik MRT Corp, Datuk Najmuddin Abdullah, berkata tuduhan dilemparkan pihak tertentu itu dilakukan tanpa sebarang bukti kukuh, lebih-lebih lagi apabila mereka turut mendakwa pihaknya tidak mengadakan perjumpaan dengan pemilik lot strata.

Tambahan lagi, pihak berkaitan memfailkan semakan kehakiman sebelum apa-apa perjanjian bersama dapat diadakan, katanya.

"Pengambilan tapak kompleks beli-belah itu memerlukan perse-

tujuan semua 253 pemilik lot strata yang mana syarat persetujuan adalah 100 peratus menurut keperluan undang-undang dan bukan sengaja diada-adakan oleh pihak kami.

"Selain itu, kami juga sudah berjumpa dengan pemilik strata beberapa kali sejak dua tahun lalu termasuk mengambil kira cadangan dikemukakan seperti mewujudkan sebuah jawatankuasa dan reka bentuk alternatif bagi menyelamatkan Ampang Park daripada dirobohkan.

**Mahkamah beri laluan**

"Namun, perkara ini dibawa ke mahkamah oleh pihak mereka sebelum apa-apa perjanjian bersama dapat dicapai yang mana keputusan mahkamah tinggi dan mahkamah rayuan berpihak kepada kami," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Sidang media itu diadakan bagi menjawab dakwaan pihak berkenaan berhubung pengambilan tapak kompleks beli-belah itu bagi

memberi laluan kepada pembinaan MRT2

Pertubuhan Ikatan Usahawan Kecil dan Sederhana Malaysia (IKHLAS) yang mewakili seramai 139 pemilik strata mendakwa berlaku penyelewengan di pihak MRT Corp berhubung pengambilan tanah kompleks beli-belah itu selain meminta campur tangan Ahli Parlimen Titiwangsa dan Perdana Menteri.

Sebelum ini, Mahkamah Tinggi yang membuat keputusan pada 30 Jun 2016, membenarkan pengambilan tapak kompleks beli-belah itu selain Mahkamah Rayuan yang menolak permohonan dikemukakan 39 pemilik strata berhubung pengambilan tanah bagi projek MRT2.

Najmuddin berkata, cadangan dikemukakan IKHLAS bagi menyelamatkan Ampang Park tidak bersesuaian untuk diambil kira kerana ia bakal merumitkan kerja pembinaan MRT2 serta menyukarkan perjalanan pengguna perkhidmatan itu pada

masa depan.

**IKHLAS tolak pelan**

"Jajaran MRT2 yang akan dibina di bawah kompleks itu menghubungkan stesen MRT Ampang Park dengan stesen transit aliran ringan (LRT) Laluan Kelana Jaya sedia ada dan IKHLAS menolak pelan itu dengan mencadangkan laluan pejalan kaki dibina.

Keadaan ini akan menyebabkan kesukaran kepada pengguna MRT pada masa depan.

"Pelan ini selaras dengan mana-mana jajaran pengangkutan tren yang dibina di seluruh negara bertujuan mempercepatkan perjalanan pengguna perkhidmatan itu terutama di kawasan yang ramai pengguna," katanya.

Beliau turut berkata, dakwaan dan tuduhan yang diterima itu tidak mengganggu perkembangan projek MRT2 yang sedang dijalankan serta memberi jaminan bahawa projek itu kini mengikut jadual dan bakal beroperasi dalam masa lima tahun.